BIL. 67 MAC 2020

CREATE
e-newsletter

Pemangku Raja Pahang lancar Jom Masuk IPT Zo

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alar
Al-Mustafa Billah Shah berangkat menyempurnakan program Jom Masuk IPT Zon 2 Pahang anjura
Pendidikan Malaysia yang menyaksikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah pada ka
UMP Kampus Gambang pada 22 Februari 2020 yang lalu.

Program ini memberi peluang para pelajar sekolah menengah, lepasan diploma dan setaraf, ibu bapa, gu
menyambung pengajian tinggi di pelbagai institusi pendidikan tinggi negara.

Titah baginda, bakal mahasiswa perlu merebut peluang yang tersedia pada hari ini, untuk memilih kursus
dan pasaran kerja nanti.

“Apabila peluang pendidikan tinggi itu berjaya diperoleh kelak, berusahalah bersungguh-sungguh
membanggakan keluarga.

“Elakkan sindrom 3k iaitu kuliah, kafeteria dan katil. Pencapaian akademik yang cemerlang sahaja, t
mendapat pekerjaan pada masa hadapan.

“Justeru, semua pelajar perlu mencari peluang, meningkatkan kemahiran diri atau *soft skills* seperti k
kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta membina keyakinan diri, yang mana ianya amat diperluk
titah baginda.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff berkata, dengan ruang dan
lepasan sekolah yang menjadi kumpulan sasaran utama program ini akan dapat membuat keputusan ya
bersesuaian untuk melanjutkan pengajian dan seterusnya merealisasikan cita-cita kerjaya mereka pada ma

“Sesuai dengan objektif utamanya sebagai *medium* penghubung sektor pendidikan tinggi dengan komuniti
100 pempamer dari pelbagai institusi dan agensi penyedia pendidikan tinggi untuk manfaat lebih 25,000 p
orang ramai yang disasarkan sebagai pengunjung,” katanya.

Dalam program ini, pelajar dan ibu bapa berpeluang bertemu terus dengan wakil-wakil dari universiti dan
maklumat melanjutkan pengajian, pembiayaan pendidikan yang sedia ada, dasar dan prosedur permohon
dan syarat-syarat kelayakan yang diperlukan.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA JPT, Wahi Nordin berkata, program Jom M
dan merupakan signature programme KPM.

Pada tahun lalu, lebih 199,000 permohonan ke IPTA dan ILKA diterima dengan 138,000 daripadanya
universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan ILKA bagi pelajar lepasan SPM.

“Tahun ini kita menganjurkan karnival seumpama ini di lapan Zon lagi dan ini merupakan Zon ke 2. Kita j
permohonan kerana setiap karnival dianggarkan sekitar 20,000 hingga 25,000 pengunjung akan hadir,” kat

Beliau menyarankan agar semua calon dapat melayari e-Panduan di laman web upu.moe.gov.my sebelum
mereka dapat melihat program-program yang ditawarkan oleh 20 universiti awam, kolej matrikulasi, Insti
komuniti dan empat buah Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Selain pameran pendidikan dan penajaan, turut diadakan pameran dan demonstrasi Sains dan Tekn
Augmented Reality (AI) Educational Book, Social Robot (Facial Emotion Recognition) dan *Kit STEM Bot.*

Program turut dihadiri Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Pro-Canselor UMP, Ta
Nor, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah, Keme
Cairul Iqbal Mohd Amin dan Pengerusi Jom Masuk IPT Zon 2, Profesor Ts. Dr. Mohd. Rosli Hainin.

Sebagai salah sebuah universiti dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (RTUM), program kali ini t
mengetahui tentang pengajian program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan UMP serta bidang b
Vokasional (TVET) aras tinggi yang mampu menyediakan peluang pekerjaan dalam pasaran menjelang era

Mulai Sesi Akademik 2020/2021, UMP menawarkan enam program diploma dan 36 program sarjana mu
Teknologi bagi menyediakan pelajar yang kompeten dan mahir dalam bidang teknikal dan memenuhi kepe

UMP sasar 4 Objektif Strategik ke arah Universiti Teknologi Ter

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meletakkan asas bagi mencapai kegemilangan bagi Pelan Strategik UM
objektif iaitu pertama menghasilkan graduan holistik yang dipacu bersama komuniti melalui program pendi
tinggi, kedua mengupayakan kebolehan teknologi komuniti, ketiga menjana teknologi termaju (baharu)
menuju kelestarian kewangan dan amalan terbaik.

Seiring dengan Wawasan UMP menjadi universiti teknologi terunggul menjelang 2050, Naib Canselor UM
menegaskan bahawa universiti ini perlu mempunyai ciri-ciri universiti *world class* dan yang paling utama a
mampan juga pengurusan universiti berautonomi.

“Dengan itu, kita mampu menghimpun bakat bukan sahaja pelajar malahan pensyarah sebagai pakar tekno

“Sekali gus menjadikan UMP menjadi sebutan dan bandar Pekan akan menjadi ternama suatu hari nanti.

“Pada ketika itu, UMP mampu mengeluarkan graduan bereputasi tinggi, menjadi orang-orang yang merub
global serta penyelesaian masalah dunia, inilah gambaran universiti terunggul,” ujar Naib Canselor UMP y
depan.

Selain itu, katanya, sistem pengurusan universiti juga dihormati, cekap, efektif dan meningkatkan maruah s

“Justeru, kita perlu bijak mencari jalan bagi memantapkan kelestarian kewangan dengan bebas menerusi s

“UMP meletakkan sasaran yang lebih jauh apabila dilihat bakal menjadi universiti teknologi terunggul r
peratus pensyarahnya mempunyai latar belakang akademik ijazah kedoktoran (PhD).

“Ia dapat digambarkan dengan graduan yang dihasilkan bereputasi tinggi, relevan dan memberi khidm
katanya.

Jelas beliau lagi, pada masa ini, UMP mempunyai lebih 86 peratus dalam kalangan pensyarah yang mer
hasrat ini menjelang 2050 nanti, universiti perlu membangunkan bakat (pakar bidang) pensyarah
membangunkan sistem pengurusan yang mengoptimumkan bakat yang efektif, cekap serta dihormati dalar

“Kepakaran inilah yang akan dirujuk dan program bagi melahirkan kepakaran ini akan dibina,” katanya.

Berucap menyampaikan Amanat Tahunan Naib Canselor 2020 pada 15 Februari 2020 baru-baru ini, Profe
rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pencapaian UMP dalam kebolehpasaran graduan kini ad
graduan bekerja dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi.

“Sasaran ini perlu dikekalkan pada tahun 2025 dengan *minimum* pencapaian kepada tahap 90 peratus ke
peratusan yang mendapat tawaran bekerja sebelum bergraduasi.

“Pelajar bukan sahaja dinilai terhadap pencapaian akademik sahaja malahan UMP menyasarkan peratus
mempunyai kebolehan menyeluruh yang dibina daripada kemahiran lain.

“Ini termasuklah soft skills seperti komunikasi dan berbahasa *(bilingual)* serta bahasa ketiga. Selain itu
peratusan terhadap pengetahuan kesukarelawanan, kelestarian dan penjagaan alam *(sustainability)* dan
katanya.

Tambah beliau, kita juga akan mengukur kebolehan pelajar melalui konsep major-minor.

“Misalnya, pelajar Kejuruteraan dibenarkan mengambil kursus dalam bidang lain seperti Pengurusan Pe
Solving), Perakauanan, *Psychology,* Qiraat al-Quran dan lain-lain memandangkan UMP mempunyai per
bidang ini.

“Bidang minor ini akan membolehkan pelajar teknikal bercerita tentang ekonomi, kewangan dan yang bo
menggunakan kepakaran pensyarah UMP ini berkongsi dan memperkembangkan bakat semua pelajar dal
dunia.

“Dalam pada itu, UMP bakal membuka peluang kepada masyarakat untuk mengikuti program kepada ir
dengan masyarakat,” katanya.

Bagi perkembangan peningkatan bilangan program kerjasama dengan universiti luar terutamanya Jerma
Degree Award di setiap fakulti, beliau berkata, selain kerjasama dengan pihak Karlsruhe University
kerjasama UMP dengan SIASUN Robot & Automation Co.Ltd. di Shenyang, China serta institusi pendidika
dua tahun pengajian di UMP, satu tahun belajar di institusi pendidikan di China dan satu tahun menja
memberi tanda aras bertaraf dunia.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, UMP diklusterkan dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia
teknikal negara melalui program TVET aras tinggi.

“Bagi mengupayakan kebolehan teknologi komuniti berteraskan kemampanan kerjasama universiti-komuni
teknologi sedia ada.

“Misalannya, kewujudan UMP memudahkan masyarakat memahami reka bentuk bangunan, sistem ka
telekomunikasi elektronik, Teknologi AI dan lain-lain.

“Dengan adanya program di bawah Pusat Kecemerlangan UMP ia akan menggunakan teknologi yang
creation kepada masyarakat,” ujar beliau.

Dalam bidang penyelidikan pula, katanya, UMP juga akan meningkatkan nisbah penyelidikan bagi menin
skim PDG (mengikut jabatan) dan bilangan produk buatan UMP *(Technology Made in* UMP) –TM @UMP.

“Dalam pada itu, universiti ini juga akan terus menjana teknologi termaju melalui inisiatif penyelidikan yan
harta intelek *(intellectual property)* yang dilesenkan serta bilangan penghasilan teknologi baharu yang din
technology in the World).

“Menuju kelestarian kewangan dan amalan terbaik, UMP juga bakal meningkatkan peratusan peningkatan
operasi yang munasabah menggunakan kaedah terbaik dalam mengurus universiti.

“Dengan slogan bertemakan ‘Universiti Teknologi Untuk Masyarakat’, UMP komited menyediakan pendi
teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial *(social enterpr*

Insentif Kecemerlangan (Platinum) Yayasan UMP buat mal

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, PEJABAT NAIB CANSELOR

Terpilih menerima Insentif Kecemerlangan (Platinum) Yayasan UMP, mahasiswa akhir Universiti Malaysia
Teknologi Industri (FSTI), Nurnajjah Ashuha Adipso tidak menyangka beliau adalah di antara 30 ma
kecemerlangan bernilai RM500 apabila mendapat keputusan cemerlang pada semester ini.

Menurut Nurnajjah, pemberian insentif ini sangat membantu terutamanya untuk kelangsungan hidup pada s

“Ia memberikan semangat untuk saya mengekalkan kecemerlangan dengan keputusan yang lebih baik
yang hadir sempena Majlis Penyerahan Insentif Kecemerlangan (Platinum) Yayasan UMP yang berlan
Kampus Gambang pada 22 Februari 2020 yang lalu.

Begitu juga dengan mahasiswa Kolej Kejuruteraan, Yeoh Yuan Xin yang amat gembira dan tidak menyang
UMP.

Ujarnya, penyerahan insentif ini menunjukkan UMP prihatin dalam menjaga kebajikan penerima biasiswa d

“Saya berharap akan terus mencapai keputusan cemerlang dalam akademik dan kokurikulum di sepanjang

Mereka berdua adalah di antara 250 penerima manfaat insentif pendidikan Yayasan UMP sejak diperkenal

Lebih bertuah, pada kali ini Yayasan UMP memperkenalkan Insentif Kecemerlangan (Platinum) Yayasan U
keputusan cemerlang dengan nilai gred 3.5 dan ke atas bagi setiap semester.

Hadir menyampaikan sumbangan adalah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahma
Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP (LPU) yang terdiri daripada Da
Dato' Sri Md. Sharif Shamsuddin dan Profesor Madya Dr. Wan Zuhainis Saad dengan diiringi Timbalan N
Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Dato' Sri Ibrahim, berdasarkan data sehingga tahun 2025, dijangkakan sebanyak 70 peratus
berlatar belakang keluarga dalam kelompok B40.

"Insentif Kecemerlangan (Platinum) ini adalah inisiatif di bawah Yayasan UMP bagi menambah suntikan
mengekalkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik sehingga tamat pengajian.

"Mahasiswa yang terpilih adalah terdiri daripada mereka pernah menerima bantuan awal pendidikan daripa

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan sumbangan bantuan zakat kepada 30 orang penerima yang
Berhad (PNB) untuk meringankan beban kewangan dalam urusan pembelajaran di UMP.

Pihak Yayasan UMP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) sentiasa mengan
ehwal pendidikan mahasiswa menerusi penajaan biasiswa, pengagihan bantuan zakat dan sara hidup
bantuan pendidikan bagi mahasiswa baharu.

Selain itu, Yayasan UMP sentiasa mengumpul dana daripada pihak syarikat, institusi dan orang ramai serta membiayai program pendidikan, kemasyarakatan dan menyediakan kemudahan pembelajaran universiti.

Dalam pada itu, UMP turut giat menjalankan Kempen Jom Berwakaf Bersama bagi mengumpul dana bagi

Sumbangan boleh dibuat dengan memuat turun aplikasi *SnapNPay,* Portal (FPX) atau potongan gaji bag portal mygift.ump.edu.my. untuk maklumat lanjut.

Penyelidikan UMP raih 10 pingat dan anugerah khas *The Bes* *Electronics*

Oleh: DINA DIYANA RASTAM TAN, JABATAN PENYELIDKAN DAN INOVASI

Sistem Lampu Diod Pemancar Cahaya (LED) bercekapan tinggi yang dikenali sebagai UMP-Rediac L anugerah khas *The Best Award for Consumer Electronics* dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2020 Februari 2020 baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Dihasilkan pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Ts. Ikram Mohd Rashid be keistimewaan tersendiri melalui ciptaan inovasi Sistem LED ini tidak mengeluarkan haba atau suhu yang ti semasa juga tanpa memerlukan sirip penyejuk *(heat sink)*.

“Kecekapan untuk sistem *LED UMP Rediac* ini adalah tinggi iaitu sebanyak 157 lm/w malahan sistem diaplikasikan untuk produk LED, malah ia juga boleh diaplikasi dalam lampu taman, lampu limpah, lampu ja

“Selain itu, produk ini juga mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peniaga pasar malam, p mendapatkan sumber cahaya pada waktu malam.

“Malahan alat ini senang untuk dibawa ke mana sahaja dan tidak memerlukan sumber tenaga dari utiliti,” ka

Tiga lagi pingat emas UMP dimenangi oleh pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam, Ir. Dr. Ch *OHE-CRETE: Sustainable Building Materials,* Dr. Waheb Jabar dengan produk penyelidikan *NB-IoT-FM* Komputeran dengan produknya *HeDoo Space, Teach & Learn - An Environmental IoT Analysis Modules &*

Manakala enam pingat perak pula dimenangi oleh pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Pro dengan produk penyelidikan *Development of Inert Ceramic for Industrial Application,* Dr. Mohd Shaiful

Kejuruteraan Kimia dan Proses dengan produk penyelidikan bertajuk *Development of Improved Durabili* (SACH) *Prosthetic Foot* dan Dr. Nadzirah Mohd Mokhtar daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Aw *Compact Unit for Industrial Wastewater Treatment.*

Lain-lain Profesor Madya Dr. Noraziah Ahmad (Fakulti Komputeran) dengan tajuk *Efficient Distributed Selling Website,* Dr. Wan Isni Sofiah Wan Din, *Enhancement of Single Path to Multi Path Clusterin Conservation* dan Dr. Ahmad Firdaus Zainal Abidin dengan projek penyelidikan *Rex-Chain: Root Exploit De*

Hadir sama berkunjung melawat pameran adalah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman dan Pengurus Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Hazmin Aris bertem

Menurut Dato' Sri Ibrahim, pameran ini merupakan medan buat para penyelidik mempamerkan dan mer kepada khalayak umum dan industri.

"UMP sangat bertuah mempunyai para penyelidik yang muda dan bermotivasi tinggi bagi menghasilkan pro

"Pihak universiti sentiasa memainkan peranan dalam merangka strategi dan pelaksanaan inisiatif strateg dan inovasi UMP melalui sokongan penyediaan geran universiti, nasional, industri dan swasta juga antarab

Penyertaan dan kejayaan yang diperoleh oleh UMP adalah satu petanda positif dan membanggakan apabi

Bukan itu sahaja, malahan penyertaan para penyelidik UMP ke pertandingan ini sedikit sebanyak me industri, pihak industri kecil dan sederhana (SME) atau pihak yang berkaitan yang mana manfaat akhirny masyarakat umum bersesuaian dengan slogan UMP iaitu 'Teknologi untuk Masyarakat'.

Program Advokasi Kepenggunaan beri pendedahan kepa

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, UNIT PERHUBUNGAN AWAM, PEJABAT NAIB CANSELOR.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Persatuan Ek (MACFEA) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Advokasi Kepeng Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan komuniti setempat dalam program yang berlangsung di Auditorium Perp Februari 2020 yang lalu.

Program yang menyasarkan pengguna dalam kalangan keluarga B40 diadakan bagi memberi pendedaha dilaksanakan pihak KPDNHEP terutamanya Program Bank Makanan *(Food Bank*) dan penipuan di atas tal

Program ini juga dapat membantu golongan B40 dan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam menan meningkat dewasa ini.

Hadir merasmikan program Dekan Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Pr

Turut hadir Pengarah Pusat Jaringan Industri & Masyarakat, Profesor Madya. Dr. Nurul Hazlina Noordin, P
Wan Harun dan Dr. Irwan Syah Mohd Yusoff yang mewakil MACFEA.

Menurut Profesor Madya Dr. Mansor, penganjuran program ini dilihat suatu usaha positif dalam memas
menerusi ceramah dapat digunakan dengan penuh manfaat bagi menangani isu-isu yang berkaita
meneruskan kehidupan dalam suasana selamat, aman, sejahtera dan harmoni.

“Kita harap pendedahan ini dapat membantu golongan B40 supaya dapat menjadi pengguna yang bijak ya
di samping tidak menambahkan beban masing-masing baik dari segi ekonomi ekoran mudah terpengaruh
melalui media sosial.

“Selain itu, inisiatif kerajaan melalui Program Bank Makanan dilihat dapat meringankan kos sara hidup
diterima akan disalurkan kepada kumpulan-kumpulan sasar dan rumah kebajikan yang berdaftar.

“Setakat ini difahamkan seramai 186,354 ketua isi rumah yang berada di bawah paras garis kemiskinan di

Melalui *Campus Pantry* ini seramai 1,400 orang pelajar B40 telah menerima manfaat yang melibatkan 8
penaja.

Antara rakan-rakan penaja ialah Tunas Manja Group, 99 Speedmart Sdn. Bhd., Adabi Kuantan Distribution
Ho Hiap Kee Oil Mill Sdn. Bhd., Nurfirman Sdn. Bhd., Nirwana Group, Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd.,
Ming Sdn. Bhd.


Dalam pada itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam mengekang jenayah
penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan pendakwaan ke atas mereka yang terbal

Turut berlangsung majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Video Kreatif sempena Program Advokas

Dengan tema *Food Bank*, Wong Shu Jie dinobatkan juara yang berjaya membawa pulang wang tunai berni

Manakala Noor Maizatul Masliza Norman dan Nurain Solehah Mohd Zulkifli telah memenangi tempat
berjumlah RM400.

Tempat ketiga dengan tema *Beware Of Online Cheating* telah dimenangi oleh Nor Najiatul Munirah Mazlan



- 108 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

